

Newspaper	Berita Harian
Date	10/7/2014

2 **NASIONAL**

© KHAMIS 10 JULAI 2014

BH

Tiada kepemimpinan berkesan undang huru-hara

BH-10/7/2014

» *Pemimpin perlu ada visi, komitmen, mampu jiwai aspirasi rakyat*

Oleh **Irwan Shafrizan Ismail**
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Tiada kepemimpinan yang berkesan untuk menggalas tanggungjawab sebagai peneraju, boleh menyebabkan keadaan kucar-kacir yang boleh menjurus kepada kegagalan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Merujuk keputusan perlawanan separuh akhir pertama Piala Dunia 2014 awal pagi semalam yang menyaksikan Brazil diabikan 1-7 oleh Jerman akibat barisan pertahanan yang kucar-kacir dan berkecamuk, Perdana Menteri berkata, kelemahan pimpinan atau tiada pemimpin yang baik, boleh membawa kepada kekalahan.

"Apa yang dapat saya simpulkan ialah kelemahan kepemimpinan atau tiada kepemimpinan yang baik menyebabkan kekalahan (Brazil). Kalau itu boleh berlaku kepada pasukan bola sepak, bayangkan kepada sebuah negara yang tiada kepemimpinan berkesan, yang tiada visi dan komitmen, yang mampu menjuiwasi aspirasi rakyat.

"Pasti nasibnya seperti pasukan bola sepak Brazil," katanya yang secara berseloroh,



Najib bersalaman dengan felo, Mohamad Afiq Taqiudin Roslan (kiri) sambil diperhatikan Muhyiddin pada **Program Felo Perdana kepada Menteri-Menteri Kabinet di Putrajaya.**

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

mengucapkan takziah kepada penyokong Brazil dan tahniah kepada penyokong Jerman selepas pemain negara berkenaan menunjukkan aksi cemerlang serta prestasi mengagumkan untuk layak ke perlawanan akhir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan peserta Program Felo Perdana (PFP) kepada Menteri-Menteri Kabinet, di sini, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa serta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Seramai 84 mahasiswa dan graduan institusi pengajian

tinggi dari dalam dan luar negara diterima ke dalam PFP untuk ditempatkan di pelbagai kementerian. Mereka disaring daripada 1,200 permohonan yang diterima oleh Kementerian Belia dan Sukan, beberapa bulan lalu.

Persediaan terancang

Najib berkata, PFP ialah satu persediaan terancang bagi mempersiapkan kepemimpinan generasi akan datang supaya apabila tiba masanya, akan ada barisan pemimpin yang terlatih, terdedah kepada pengalaman dan mampu membawa obor kepemimpinan negara ke tahap lebih tinggi.

"Saya yakin program ini

mendapat sambutan menggalakkan kerana pada program pertama, kira-kira 600 orang memohon dan kali ini 1,200 orang. Mudah-mudahan ini adalah pemimpin generasi muda yang bermutu, yang boleh memikul amanah dan mewakili mereka untuk menimba pengalaman baharu.

"Kejayaan kita pada hari muka tidak bergantung kepada segulung ijazah, tetapi soal kematangan kita untuk berfikir, bertindak dan berinteraksi dengan orang lain. Ini hanya akan diperoleh kalau ada pengalaman dan tidak ada tempat yang lebih baik (menimba pengalaman), selain bersama anggota Kabinet dan pemimpin negara," katanya.